

Persepsi Pelajar Terhadap Tahap Kesesuaian dan Tahap Kemahiran Insaniah

Kursus-Kursus Program Ko-Kurikulum Berkredit Universiti Malaysia Sabah

ABSTRACT

Penubuhan Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar sejak tahun 2002 menuntut kewajaran suatu kajian penilaian dilaksanakan bagi meninjau pelaksanaannya. Tujuan kajian adalah untuk menilai tahap kesesuaian dan tahap kemahiran insaniah Program Ko-Kurikulum Berkredit di Universiti Malaysia Sabah. Pendekatan kuantitatif berbentuk tinjauan hirisan rentas digunakan dalam kajian penilaian ini. Data diperoleh melalui instrumen soal selidik melibatkan seramai 547 pelajar di Semester 2 Sesi 2021-2022 Universiti Malaysia Sabah. Sampel diperoleh menggunakan teknik pensampelan rawak mudah. Perisian IBM Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 25.0 digunakan untuk penganalisisan data. Hasil kajian mendapati 65.8% responden menyatakan jumlah jam kredit kursus-kursus ko-kurikulum berkredit di Universiti Malaysia Sabah adalah pada tahap sesuai dan sangat sesuai untuk dilaksanakan. Seramai 75% responden pula menyatakan kursus-kursus program ko-kurikulum berkredit yang ditawarkan adalah pada tahap sesuai dan sangat sesuai. Hasil kajian juga mendapati tahap kemahiran insaniah seperti kerja berkumpulan dan kepimpinan dalam kalangan pelajar berada pada tahap tinggi. Dapatkan ini memberi implikasi bahawa kursus-kursus ko-kurikulum berkredit di Universiti Malaysia Sabah mempunyai kewajaran untuk diteruskan dan ditambah baik.